

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 26 MAC 2018

MUKA SURAT: 69

Kota Bharu: Angka kematian akibat lemas yang dilaporkan di Malaysia lebih tinggi berbanding mangsa kejadian kebakaran.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, berdasarkan statistik pihaknya dilaporkan mangsa kejadian lemas mencecah 700 kes setiap tahun berbanding 150 kematian akibat kebakaran.

Menurutnya, kematian begitu diklasifikasikan sebagai bencana kemanusiaan dan mengakui ia sukar dibendung pihaknya disebabkan

Lebih ramai mati lemas berbanding mangsa kebakaran

kan faktor kecuaiannya sendiri.

“Apa yang termampu kita lakukan adalah menekankan aspek amaran dan banyak papan tanda (amaran) diletakkan di pantai dan air terjun yang dikenal pasti berisiko terutama di kawasan sudah meragut lebih lima nyawa.

“Bagaimanapun, ia (kejadian lemas) tetap juga berlaku termasuk di Pantai Sri Telong, Bachok, baru-baru ini, yang mana pantai itu dikenal pasti kawasan per-



anginan berisiko tinggi,” katanya, di sini semalam.

Beliau berkata demikian

“**Apa yang termampu kita lakukan adalah menekankan aspek amaran dan banyak papan tanda (amaran) diletakkan di pantai dan air terjun**”

Wan Mohd Nor Ibrahim

selepas menyempurnakan majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran kepada 35

penerima termasuk tiga wakil dari Sungai Golok, Thailand.

Seramai 46 kakitangan JBPM Kelantan turut menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji dan 45 orang lagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Wan Mohd Nor berkata, fokus kesedaran turut diberi kepada kanak-kanak kerana majoriti mangsa lemas adalah berusia di bawah 18 tahun.

“Dulu kempen kesedaran yang diadakan di sekolah

hanya membabitkan kes kebakaran, tetapi kini kita juga giat menjalankan program kesedaran di air.

Sementara itu, Wan Mohd Nor turut memaklumkan kemas kini mengenai usaha menaik taraf aspek keselamatan pusat tahfiz di seluruh negara sudah memasuki fasa kedua.

Menurutnya, 200 pusat tahfiz daripada lebih 1,000 premis yang berdaftar diperiksa apabila ia tidak banyak membabitkan naik taraf struktur.